

Kadar inflasi boleh lebih 10 peratus jika tiada subsidi

Kuala Lumpur: Kadar inflasi negara boleh melebihi 10 peratus sekiranya kerajaan tidak menyalurkan pelbagai bantuan subsidi seperti bahan api, tarif elektrik, gula dan beras, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, tahun ini sahaja kerajaan dijangka membelanjakan RM64 bilion demi memastikan rakyat dapat terus menikmati subsidi barangan asas dan kemudahan tarif berkenaan.

Tanpa peruntukan besar itu, beliau menjelaskan sudah tentu sukar untuk rakyat, terutama golongan B40 membeli barangan keperluan asas terbabit.

“Kerajaan memahami keresahan rakyat yang terbeban bagi melunaskan ansuran bulanan semakin meningkat berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR), baru-baru ini.

“Oleh itu, melalui Belanjawan 2023 yang dibentangkan baru-baru ini, jelas dilihat misi utama Kerajaan Perpaduan ialah membantu menangani beban kos sara hidup yang semakin menghimpit,” katanya dalam jawapan lisan disiarkan melalui laman sesawang Parlimen, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau) yang meminta kerajaan menyatakan apa tindakan segera membantu mengurangkan beban rakyat terkesan dengan kenaikan mendadak OPR.

Kadar inflasi negara pada Januari menurun kepada 3.7 peratus berbanding 3.8 peratus pada Disember lalu, demikian

menurut rekod Jabatan Perangkaan Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan sudah menyalurkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 1 secara berperingkat kepada 8.7 juta golongan B40 bernilai RM1.67 bilion mulai 17 Januari lalu, malah STR akan diteruskan dengan beberapa pembaharuan diambil kira supaya isi rumah yang benar-benar terkesan, mendapat manfaat.

“Ia dijangka dapat membantu meringankan beban sara hidup hampir sembilan juta penerima, dengan peruntukan disediakan hampir RM8 bilion.

“Walaupun STR dikaitkan sebagai bantuan kepada B40, mengambil kira bilangan penerima, sebenarnya STR memanfaatkan lebih 60 peratus daripada rakyat dewasa negara ini.

“Kekal dengan hasrat membantu meringankan beban rakyat, kerajaan juga memperuntukkan RM100 juta bagi pelaksanaan program Jualan Rahmah yang menawarkan barangan asas dengan harga hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran, membabitkan 222 kawasan Parlimen,” katanya.

Mengulas mengenai kenaikan OPR, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menafikan peningkatan secara kumulatif sebanyak 100 mata asas daripada 1.75 peratus kepada 2.75 peratus pada tahun lalu, memberi kesan terhadap peminjam dan peniaga yang mempunyai pinjaman berkadar terapung, berikutan peningkatan ansuran bulanan yang dihadapi mereka.